

TARIKAN PELANCONGAN BERASASKAN WARISAN DI KUALA LUMPUR

(Heritage-Based Tourism in Kuala Lumpur)

Siti Nurain Marzuki, Agnes Amoi Anak Sudin, Dorothy Sebi Anak Nelson Atang,
Aini Atiqah Nor Arsat, Nurul Liyana Zainal Abidin, Nurul Fadilah Mohd. Nawi & Er, A.C.*

ABSTRAK

Terdapat pelbagai tarikan pelancongan berasaskan warisan di Kuala Lumpur, di samping menyumbang kepada peluang pendapatan, pekerjaan, dan peluang perniagaan. Kajian ini bertujuan mengenalpasti lokasi yang berpotensi dijadikan sebagai tarikan pelancongan warisan di Kuala Lumpur, serta mengkaji faktor yang mempengaruhi pelancong melancong ke tarikan pelancongan warisan seperti bangunan-bangunan yang bersejarah dan pensejarahannya, dan sebagainya. Seramai 317 orang responden yang dipilih menggunakan kaedah persampelan mudah terdiri daripada pengunjung, pelancong domestik, dan pelancong antarabangsa yang mengunjungi destinasi tumpuan di Kuala Lumpur, iaitu *Ecoforest*, Dataran Merdeka, Pasar Seni, Masjid Jamek, Tugu Negara, Muzium Negara, Kampung Baru, Bangunan Sultan Abdul Samad, dan Bangunan Stesen Keretapi Lama. Analisis deskriptif dipersembahkan dalam bentuk gambarajah dan carta bagi menjelaskan profil demografi, manakala analisis min diaplikasikan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi responden yang melancong ke Kuala Lumpur. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa Dataran Merdeka merupakan lokasi warisan utama yang menarik pelancong tempatan dan antarabangsa. Faktor warisan budaya (produk budaya warisan) pula menjadi faktor utama yang mempengaruhi kedatangan responden ke Kuala Lumpur. Justeru, keunikan dan kegemilangan warisan sejarah yang dimiliki bandaraya Kuala Lumpur menjadi elemen terpenting dalam menarik kedatangan para pelancong domestik dan luar negara. Dapatkan kajian ini berupaya menyumbang dan memberi input kepada pihak-pihak berkepentingan dalam melaksanakan strategi pemeliharaan dan pemuliharaan produk-produk pelancongan warisan di Malaysia.

Kata kunci: Pelancongan warisan, tarikan pelancongan, warisan budaya,

ABSTRACT

There are various heritage-based tourist attractions in Kuala Lumpur which also contribute to income, employment, and business opportunities. This study aims to identify potential locations as heritage tourist attractions in Kuala Lumpur and examining the factors which influenced tourists visiting the heritage tourist attractions such as historic buildings and their history, and others. A total of 317 respondents were selected using the simple sampling method comprising of visitors, domestic tourists, and international tourists visiting the main destinations in Kuala Lumpur, namely Eco forest, Merdeka Square, Central Market, Masjid Jamek, National Monument, National Museum, Kampung Baru, Sultan Abdul Samad Building, and the Old Railway Station Building. The descriptive analysis is presented in the form of diagrams and charts to depict the demographic

profile, whilst mean analysis is used to analyse the factors influencing the respondents to visit Kuala Lumpur. The findings of the study indicated that Merdeka Square is the main heritage location that attracts majority local and international respondent tourists. Cultural heritage (cultural heritage products) is the main factor influencing the arrival of respondent tourists to Kuala Lumpur. Hence, the uniqueness and glory of the historical heritage of the city of Kuala Lumpur is the most important element in attracting the arrival of domestic and foreign tourists. The findings of this study can contribute and provide input to various stakeholders in the implementation of the preservation and conservation strategies of the heritage tourism products in Malaysia.

Keywords: Heritage tourism, tourist attractions, cultural heritage.

PENGENALAN

Industri pelancongan merupakan salah satu aktiviti yang dapat memberikan pulangan yang besar kepada sesebuah negara. Antara negara yang berkecimpung dalam kegiatan pelancongan warisan yang menyumbang kepada hasil utama negara ialah Mesir, Turki, Monaco dan Indonesia. Data yang dikeluarkan oleh World Tourism Organisation (WTO) menyatakan bahawa kegiatan industri pelancongan pada tahun 2018 merupakan hasil pendapatan tertinggi berbanding dengan sektor lain. Di Malaysia, kadar kedatangan pelancong juga mengalami peningkatan yang ketara. Pada 2017, kadar pelancongan domestik Malaysia merekodkan pencapaian tertinggi bagi bilangan ketibaan pelawat dan perbelanjaan pelancongan. Seramai 25.95 juta pelawat domestik direkodkan pada tahun 2017 berbanding 26.76 juta pada tahun 2016. Perbelanjaan pelancongan domestik kekal merekodkan pertumbuhan dua digit, iaitu 11.1% pada 2017 berbanding 10.2% pada tahun 2016 (Jadual 1).

Jadual 1: Kedatangan pelancongan dan pendapatan Malaysia mengikut tahun

Tahun	Kedatangan	Perbelanjaan (RM)
2017	25.95 juta	82.1 bilion
2016	26.76 juta	82.1 bilion
2015	25.72 juta	69.1 bilion
2014	27.44 juta	72.0 bilion
2013	25.72 juta	65.4 bilion

Sumber: Lembaga Pelancongan Malaysia (2018)

Terdapat lima buah negeri yang menjadi tumpuan kepada pelawat domestik iaitu Selangor (25.5 juta), Perak (20.1 juta), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (19.0 juta), Sabah (17.8 juta), dan Sarawak (17.7 juta) berdasarkan jumlah kedatangan pelancong pada tahun 2017 (Jabatan Perangkaan Malaysia 2018). Hal ini berikutan setiap negeri yang dinyatakan itu mempunyai sumber warisan dan keindahan yang mampu menarik pelawat untuk mengunjunginya. Industri pelancongan mencakupi bidang perkhidmatan yang luas dan kemudahan yang pelbagai serta mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada semua lapisan penduduk. Pelancongan memberi manfaat sampingan yang tidak kurang pentingnya kepada penduduk Kuala Lumpur. Dengan

menampung asas penduduk yang lebih besar daripada penduduk bandaraya sendiri, kemudahan membeli-belah, hiburan, rekreasi dan kebudayaan yang lebih pelbagai dapat ditampung.

Melalui pelancongan, perlindungan warisan bersejarah ini dapat menarik minat masyarakat, menambahkan pengetahuan serta mewujudkan rasa penghargaan terhadap demografi sejarah sesebuah elemen warisan tersebut. Jika dilihat dengan keadaan kedatangan pelancong ke Malaysia, antara kawasan yang menjadi tumpuan utama adalah bandaraya Kuala Lumpur (International Council on Monuments and Sites, 2007). Namun, tahap promosi pemasaran Kuala Lumpur masih kurang berbanding dengan bandaraya pelancongan utama lain. Di sesetengah destinasi pelancongan antarabangsa, terdapat majlis-majlis pelancongan peringkat bandaraya atau wilayah yang kerap menjalankan promosi dengan disokong oleh industri pelancongan yang berpengalaman, pengusaha-pengusaha hotel, syarikat penerbangan nasional dan serantau, serta organisasi-organisasi perniagaan. Tetapi, masih ramai lagi yang tidak mengenali bangunan-bangunan, malahan sejarah tentang bandaraya Kuala Lumpur khususnya generasi baru. Kewujudan kepelbagaian bangunan bersejarah yang terdapat di Malaysia umumnya kurang diambilberat oleh masyarakat (Siti Norsakira & Rosniza Aznie, 2018), ditambah lagi dengan kekurangan kajian berkaitan aset pelancongan yang komprehensif dan terbatas (Habibah et al., 2017) sangat mempengaruhi dalam mengenal pelancongan warisan yang ada di Malaysia. Tambahan lagi, wujud kelemahan aktiviti promosi yang dilakukan terhadap pelancongan warisan di Malaysia (Zuliskandar et al., 2015) menjadikan permasalahan ini memberat jika tiada inisiatif yang dilakukan. Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah juga menitahkan agar usaha pemuliharaan dan pemeliharaan terhadap bangunan-bangunan bersejarah di Kuala Lumpur dilaksanakan dengan lebih insentif dan menyeluruh (Norzamira, 2021). Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kini memperkenalkan projek “Jejak Warisan Kuala Lumpur” yang mempromosi kira-kira 353 buah tapak dan bangunan bersejarah yang terdapat di sekitar Kuala Lumpur kepada pelancong domestik dan luar negara (Rosyahaida, 2020). Justeru, bagi menggalakkan usaha mempromosi tersebut, kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti beberapa kawasan tumpuan utama pelancong domestik dan antarabangsa di sekitar bandaraya Kuala Lumpur, selain mengkaji apakah faktor yang mempengaruhi mereka mengunjungi tempat-tempat tersebut.

ULASAN LITERATUR

Industri pelancongan dilihat sebagai industri yang amat penting dalam menjana pendapatan sesebuah negara pada masa kini. Pelancongan merupakan salah satu industri terpenting di dunia kerana berupaya mengembangkan aspek fizikal, sosial, budaya, ekonomi, politik dan teknologi serta mampu memberi pulangan ekonomi kepada negara (Wan Suzita et al., 2015). Warisan merupakan pusaka peninggalan masa silam yang masih diamalkan pada hari ini dan diperturunkan dari generasi sekarang kepada generasi akan datang. Warisan budaya dan warisan semula jadi kita sememangnya menjadi sumber dan inspirasi kehidupan yang tidak dapat ditukarganti. Menurut Tunbridge dan Ashworth (1996a), terma warisan juga digunakan dalam pelbagai konteks. Ianya digunakan bagi merujuk kepada objek-objek dari masa silam atau tapak-tapak peninggalan tanpa struktur fizikal kekal yang dikaitkan dengan peristiwa-peristiwa silam. Malahan, warisan juga digunakan bagi merujuk kepada aspek-aspek bukan fizikal masa silam seperti produktiviti

kebudayaan dan artistik. Secara umumnya, pelancongan ini mempunyai elemen warisan yang boleh dijadikan sebagai suatu produk pelancongan baru kepada generasi yang akan datang. Walaupun pelancongan warisan di Malaysia masih kurang diberikan perhatian, tetapi jika dilihat pada kajian yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu secara halus ia mempunyai elemen warisan yang jelas. Perbezaan etnik dalam kalangan masyarakat Malaysia telah membawa pelbagai disiplin pengetahuan tempatan yang berbeza dari aspek senibina, kraftangan, pakaian tradisional, muzik dan tarian yang mencerminkan gabungan warisan dan budaya yang berwarna-warni (Norhasimah et al., 2014).

Swarbrooke (1994) mendefinisikan pelancongan warisan sebagai “pelancongan berasaskan warisan di mana warisan itu sendiri adalah tunjang utama bagi produk yang ditawarkan dan warisan adalah faktor motivasi (penggalak) utama kepada pelawat atau pelancong. Secara jelasnya, definisi ini merangkumi satu skop aktiviti berkaitan yang luas daripada lawatan ke bandar atau tempat bersejarah hingga kepada melawat pameran seni budaya di muzium. Malaysia telah mengambil peluang dalam meningkatkan kawasan destinasi pelancongan dari segi alam semulajadi dan warisan. Sebanyak tiga tapak telah diiktiraf oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains, dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) sebagai tapak warisan dunia kategori kebudayaan iaitu Melaka, George Town dan juga tapak arkeologi Lembah Lenggong di Perak.

Elemen warisan budaya adalah diambil daripada pelancongan budaya itu sendiri. Hal ini kerana pelancongan warisan mempunyai faktor yang sama iaitu faktor budaya. Justeru itu, pelancongan budaya menurut Smith (1989) mempunyai beberapa maksud dan dilihat daripada dua sudut. Sudut pertama ialah kecenderungan para pelancong untuk pergi ke sesebuah destinasi kerana didorong oleh faktor budaya dan aktiviti yang dilakukan mereka di sesebuah destinasi berkait dengan budaya. Dorongan tersebut adalah keinginan melihat pengalaman budaya dalam kalangan sesebuah masyarakat dalam sesebuah kawasan. Kedua, pelancongan budaya adalah himpunan produk yang ditakrifkan sebagai “budaya” yang ditawarkan di sesebuah destinasi. Selain daripada nilai kewangan, bangunan lama di dalam sesebuah negara turut menjadi warisan negara dan ia seharusnya dikekalkan untuk generasi akan datang. Sebagaimana Bandar Hilir yang mempunyai aspek kekuatan dari segi bangunan atau monumen bersejarah yang unik menjadikannya terkenal sebagai salah sebuah produk pelancongan di Melaka (Siti Salina & Zuliskandar, 2018), selain mempromosi nilai estetika yang dipamer dalam setiap rumah-rumah kedai tradisional (Er, 2013).

Di Malaysia, warisan budaya merupakan satu keunikan yang memerlukan tanggungjawab setiap bangsa atau etnik dalam menjaga dan memelihara budaya mereka kerana ia terdapat dalam pelbagai bentuk serta mempunyai lambang budayanya tersendiri. Nilai sejarah adalah sesuatu yang tidak mudah untuk diperoleh kerana ia merupakan sesuatu yang sangat penting dan tidak akan dapat ditukar ganti (Mohd Razali & Yahaya, 2003). Oleh itu, imej negara dipandang tinggi oleh orang luar kerana negara kita masih mementingkan sejarah lampau untuk memperingati jasa-jasa perwira negara dan juga untuk pengetahuan generasi akan datang. Antaranya, Kerajaan Terengganu telah memperkenalkan Kampung Budaya Terengganu (KBT) yang berkonsepkan muzium hidup di Muzium Negeri dalam usaha mengembalikan kegemilangan warisan budaya masyarakat Melayu, di samping membolehkan generasi muda mengetahui dan menghayati lebih mendalam asal-usul sejarah peradaban Melayu (Zatul Iffah, 2020). Lokasi tinggalan warisan


bersejarah seperti penempatan asal kaum Melayu Melaka, Arab, Neolitik, Melayu-Jati, Minangkabau, Aceh, Cina, dan Punjabi di Kuala Lipis turut berpotensi diketengahkan sebagai salah sebuah produk pelancongan warisan di Pahang (Siti Norsakira & Rosniza Aznie, 2018).

METODOLOGI KAJIAN

Kuala Lumpur merupakan ibu negara dan bandaraya terbesar di Malaysia. Kuala Lumpur juga mempunyai keluasan tanah seluas 244 km² dan diduduki seramai 1.7 juta penduduk. Ia terletak di tengah-tengah Negeri Selangor dan dahulunya diperintah di bawah kerajaan Negeri Selangor. Ia kemudiannya dipisahkan pada tahun 1974 untuk dijadikan Wilayah Persekutuan pertama yang ditadbir secara terus oleh Kerajaan Persekutuan. Bandaraya Kuala Lumpur dipilih sebagai kawasan kajian kerana merupakan salah satu destinasi pelancongan bandar yang utama dan terkenal di Malaysia. Berdasarkan kepada Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020, kebanyakannya sumber tarikan pelancong dan tarikan warisan budaya terletak di pusat bandaraya Kuala Lumpur. Kawasan kajian lebih tertumpu kepada beberapa destinasi pelancongan utama yang sememangnya menjadi tumpuan pelancong seperti *Ecoforest*, Dataran Merdeka, Pasar Seni, Masjid Jamek, Tugu Negara, Muzium Negara, Kampung Baru, Bangunan Sultan Abdul Samad dan Bangunan Stesen Kereta Api Lama. Pemilihan sembilan lokasi kajian tersebut adalah kerana setiap destinasi tersebut mempunyai identiti tersendiri di mana kawasan ini adalah antara bangunan bersejarah dan mempunyai nilai-nilai sejarah yang boleh dijadikan tarikan warisan negara. Keunikan seni bina bangunan bersejarah dan sejarah masa lampau yang hebat telah menjadi tumpuan pelancong dan seterusnya pemangkin kepada industri pelancongan warisan di Kuala Lumpur.

Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia (2018), sebanyak 19.0 juta pelawat domestik yang datang melawat ke Kuala Lumpur pada tahun 2017. Memandangkan ketidaaan data pelancong domestik dan pelancong antarabangsa yang khusus melawat ke Kuala Lumpur, pengkaji telah menggunakan jumlah pelawat domestik yang berkunjung ke Kuala Lumpur pada tahun 2017 sebagai keseluruhan populasi kajian. Sampel kajian adalah dalam kalangan pengunjung, pelancong domestik dan pelancong antarabangsa yang berkunjung ke sembilan lokasi kajian tersebut. Dalam pemilihan sampel kajian, beberapa kriteria pelancong yang perlu diambil kira. Responden yang dipilih berumur dalam lingkungan 15 tahun hingga 56 tahun ke atas serta pernah melawat ke sembilan lokasi kajian tersebut. Hal ini membolehkan responden untuk memberi pandangan tentang lokasi yang paling diminati. Bagi pelancong domestik, responden adalah mana-mana individu yang berasal dari pelbagai negeri di Malaysia yang datang melawat atau berkunjung ke lokasi kajian, menetap lebih daripada 24 jam atau 1 malam dan tidak melebihi 1 tahun. Untuk pelancong antarabangsa pula, responden terdiri daripada individu yang berasal dari luar negara yang tinggal beberapa hari di Malaysia.

Rajah 1: Taburan produk pelancongan di Kuala Lumpur



Sumber: Pelan Struktur Kuala Lumpur (2020)

Pengkaji telah menetapkan seramai 384 orang responden sebagai responden kajian sepetimana yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Saiz sampel kajian dipilih berdasarkan kepada saiz populasi di mana populasi kajian yang diambilkira melalui jumlah pelawat domestik yang berkunjung ke bandaraya Kuala Lumpur, iaitu seramai 19.1 juta. Penetapan sampel kajian dipilih berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2. Walau bagaimanapun, seramai 317 orang responden yang menjawab borang soal-selidik dengan lengkap. Data lapangan kemudiannya diproses menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) Version 23 dan teknik analisis data adalah berbentuk deskriptif iaitu peratusan dan min.

Jadual 2: Persampelan responden di kawasan kajian

Negeri	Saiz populasi pelancong domestik (N)	Sasaran Jumlah responden (n)	Jumlah responden yang diperolehi
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	19.1 juta orang	384 orang	317 orang

Rajah 2: Jadual penentuan saiz sampel

<i>Table for Determining Sample Size from a Given Population</i>					
<i>N</i>	<i>S</i>	<i>N</i>	<i>S</i>	<i>N</i>	<i>S</i>
10	10	220	140	1200	291
15	14	230	144	1300	297
20	19	240	148	1400	302
25	24	250	152	1500	306
30	28	260	155	1600	310
35	32	270	159	1700	313
40	36	280	162	1800	317
45	40	290	165	1900	320
50	44	300	169	2000	322
55	48	320	175	2200	327
60	52	340	181	2400	331
65	56	360	186	2600	335
70	59	380	191	2800	338
75	63	400	196	3000	341
80	66	420	201	3500	346
85	70	440	205	4000	351
90	73	460	210	4500	354
95	76	480	214	5000	357
100	80	500	217	6000	361
110	86	550	226	7000	364
120	92	600	234	8000	367
130	97	650	242	9000	368
140	103	700	248	10000	370
150	108	750	254	15000	375
160	113	800	260	20000	377
170	118	850	265	30000	379
180	123	900	269	40000	380
190	127	950	274	50000	381
200	132	1000	278	75000	382
210	136	1100	285	100000	384

Note.—N is population size.
S is sample size.


Sumber: Krejcie and Morgan (1970)

DAPATAN KAJIAN

i) Demografi Responden

Kategori responden terdiri daripada pelancong domestik dan pelancong antarabangsa, dan pengunjung. Berdasarkan Rajah 3, pelancong domestik mencatatkan peratusan tertinggi (63%) berbanding pelancong antarabangsa (22%), dan pengunjung (13%).

Rajah 3: Kategori responden



a. Umur

Kategori umur responden pula terdiri daripada pelajar yang berumur 15 tahun sehingga 60 tahun. Justeru itu, skala langkau lima digunakan untuk mengkategorikan peringkat umur responden seperti dalam Jadual 3. Dapatkan menunjukkan responden yang paling ramai adalah dalam kategori umur 15 tahun hingga 25 tahun (42.9%), diikuti dengan peringkat umur di antara 26 hingga 35 tahun (21.5%), dan paling rendah adalah di antara umur 56 tahun ke atas (5.9%).


Jadual 3: Umur responden

Bil.	Umur	Bilangan (Responden)	Peratus (%)
1	15-25	136	42.9
2	26-35	68	21.5
3	36-45	44	13.9
4	46-55	50	15.9
5	56>	19	5.9
Jumlah Keseluruhan		317	100.0

b. Asal-usul

Rajah 4 menunjukkan asal-usul responden kajian ini. Majoriti responden pelancong domestik dan pengunjung berasal dari Selangor (24%), diikuti Johor (12%), dan 9% masing-masing dari Kedah, Kelantan, dan Perak. Perlis dan Pulau Pinang mencatat peratusan yang paling sedikit iaitu 2%. Manakala bagi pelancong antarabangsa pula, majoritinya berasal dari Jerman (66%), Indonesia (14%), Jepun (8%), United Kingdom (6%), dan Singapura dan India masing-masing mencatat peratusan yang sama (3%) (rujuk Rajah 4).

Rajah 4: Asal-usul Responden



ii) Analisis Min Lokasi Tumpuan Pelancongan Warisan

Jadual 4 menunjukkan analisis min bagi sembilan lokasi yang menjadi tumpuan responden. Dapatkan kajian memperlihatkan Dataran Merdeka adalah lokasi yang paling diminati oleh responden dengan skor min yang tertinggi iaitu 3.60. Sebanyak 122 (38.5%) responden sangat berminat berkunjung ke Dataran Merdeka. Hal ini dipengaruhi oleh kawasan padang yang luas dan pemandangan yang menarik, iaitu dikelilingi oleh bangunan-bangunan bersejarah seperti Bangunan Kelab Diraja Selangor, Bangunan Sultan Abdul Samad, dan Perpustakaan Kuala Lumpur yang telah menjadi tumpuan pengunjung terutamanya pada sebelah petang. Menurut Zakariya dan Harun (2018), Dataran Merdeka boleh diaktifkan sebagai ruang sosial terutamanya ketika ada acara budaya yang dianjurkan dan ini secara tidak langsung telah mengembangkan aktiviti perniagaan di sekitarnya khususnya pasar malam di lorong Tunku Abdul Rahman.

Jadual 4: Analisis peratusan dan min lokasi yang berpotensi sebagai produk pelancongan

Lokasi	Sangat tidak diminati	Tidak Diminati	Neutral	Diminati	Sangat Diminati	Min
Dataran Merdeka	34 (10.7)	59 (18.6)	30(9.5)	72(22.7)	122(38.5)	3.60
Pasar Seni	43(13.6)	54(17)	28(8.8)	89(28.1)	103(32.5)	3.49
Masjid Jamek	49(15.5)	66 (20.8)	27(8.5)	99(31.2)	76(24.0)	3.27
Kampung Baru	104(32.8)	77(24.3)	26(8.2)	55(17.4)	55 (17.4)	2.62
Muzium Negara	28(8.8)	55(17.4)	43(13.6)	98(30.9)	93(29.3)	3.55
Tugu Negara	42(13.2)	77(24.3)	69(21.8)	92(29)	37(11.7)	3.02
Bangunan Sultan Abdul Samad	78(24.6)	104(32.8)	38(12)	68(21.5)	29(9.1)	2.58
Bangunan Stesen Kereta Api Lama	127(40.1)	96 (30.3)	34(10.7)	34(10.7)	26(8.2)	2.17
Ecoforest	129(40.7)	41(12.9)	24(7.6)	28(8.8)	95(30)	2.74

Walau bagaimanapun, Bangunan Stesen Kereta Api Lama paling tidak diminati oleh responden dengan mencatat skor min terendah iaitu 2.17. Daripadanya, hanya 26 (8.2%) responden yang sangat berminat berkunjung ke lokasi ini berbanding 127 (40.1%) responden yang lain sangat tidak berminat. Pemerhatian yang dijalankan membuktikan kawasan bangunan ini agak sunyi dan tidak ramai pelancong kelihatan datang berkunjung ke kawasan ini walaupun memiliki seni bina bangunan yang unik. Setelah itu, empat lagi lokasi menjadi pilihan pelancong dengan mencatatkan skor min di atas 3.00 termasuklah Pasar Seni (3.49), Masjid Jamek (3.27), Muzium Negara (3.55) dan Tugu Negara (3.02). Analisis kajian mendapati sebanyak 103 (32.5%) responden yang sangat berminat berkunjung ke Pasar Seni manakala 93 (29.3%) responden yang sangat berminat berkunjung ke Muzium Negara. Seterusnya, 76 (24%) responden yang sangat berminat berkunjung ke Masjid Jamek dan 37 (11.7%) responden yang sangat berminat berkunjung ke Tugu Negara. Selain Bangunan Stesen Kereta Api Lama, tiga lagi lokasi yang kurang menjadi tumpuan pelancong di mana mencatatkan skor min di bawah 3.00 iaitu Ecoforest (2.74), Kampung Baru

(2.62), dan Bangunan Sultan Abdul Samad (2.58). Melihat kepada peratusan yang sangat berminat, seramai 95 (30%) responden yang sangat gemar berkunjung ke KL Ecopark Forest. Di Kampung Baru pula, 55 (17.4%) responden yang sangat berminat ke lokasi tersebut, manakala hanya 29 (9.1%) responden yang sangat berminat berkunjung ke Bangunan Sultan Abdul Samad.

iii) Analisis min faktor pelancongan warisan yang mempengaruhi pembuat keputusan untuk melancong ke Kuala Lumpur

Analisis min dijalankan terhadap beberapa faktor pelancongan warisan yang mempengaruhi pembuat keputusan responden melancong ke Kuala Lumpur iaitu faktor warisan semula jadi, faktor warisan budaya (bangunan dan tradisi), warisan budaya (kebudayaan dan tempat kesenian), warisan budaya (produk budaya warisan) dan faktor bukan warisan).

a. Faktor Warisan Semulajadi atau Alam Semulajadi

Warisan semula jadi dalam kajian ini merujuk kepada kepelbagaiannya biologi, cuaca, pemandangan dan ketenangan terhadap sifat alam semula jadi. Jadual 5 mencatatkan skor min faktor pelancongan warisan yang mempengaruhi pengunjung atau pelancong ke Kuala Lumpur. Dapatkan kajian menunjukkan semua faktor tersebut mencatatkan skor min yang tinggi dengan nilai 4.18, 4.12, 4.05, 4.03 dan 3.75. Catatan skor min yang tertinggi adalah 4.18 iaitu faktor kepelbagaiannya biologi seperti flora dan fauna. Seterusnya, faktor cuaca di Malaysia yang mempengaruhi pengunjung dan pelancong untuk datang ke Kuala Lumpur mencatatkan skor min yang terendah iaitu 3.75.

Jadual 5: Skor min bagi faktor alam semulajadi

Bil.	Penyataan	Skala										Skor min
		STS		TS		TP		S		SS		
		F	%	F	%	F	%	F	%	F	%	
1.	Kepelbagaiannya biologi (flora dan fauna)	6	1.9	13	4.1	28	8.8	142	44.8	128	40.4	4.18
2.	Faktor cuaca	18	5.7	14	4.4	62	19.6	158	49.8	65	20.5	3.75
	Saya berminat dengan permandangan semula jadi di kuala lumpur.	6	1.9	11	3.5	50	15.8	149	47.0	101	31.9	4.03
3.												
4.	Tempat riadah	2	6	9	2.8	52	16.4	139	43.8	115	36.3	4.12
5.	Menenangkan fikiran dan menghilangkan stress	6	1.9	24	7.6	40	12.6	125	39.4	122	38.5	4.05
		Min Keseluruhan										4.03

*Nota: STS=Sangat tidak setuju, TS=Tidak setuju, TP=Tidak pasti, S=Setuju, SS=Sangat setuju

b. Analisis Min bagi Faktor Warisan Budaya (Bangunan dan Tradisi)

Jadual 6 menunjukkan faktor-faktor warisan budaya daripada aspek bangunan dan tradisi di Kuala Lumpur antaranya seperti seni bina, pengiktirafan bangunan bersejarah, keunikan aset tinggalan sejarah, makna di sebalik bangunan warisan dan keunikan seni ukiran pada bangunan di Kuala Lumpur. Catatan skor min menunjukkan kesemua faktor tersebut mempengaruhi pengunjung dan pelancong untuk datang ke Kuala Lumpur dengan catatan 4.05, 4.01, 3.95, 3.94. Catatan skor min yang tertinggi adalah faktor warisan budaya berkaitan dengan keunikan bangunan sebagai aset tinggalan sejarah di Kuala Lumpur dan terdapat dua catatan skor min yang terendah iaitu 3.94 berkaitan tertarik dengan status pengiktirafan bangunan warisan dan ingin mengetahui makna di sebalik bangunan warisan tersebut.

Jadual 6: Skor Min bagi Faktor Warisan Budaya (Bangunan dan Tradisi)

Bil.	Penyataan	Skala										Skor min
		STS		TS		TP		S		SS		
		F	%	F	%	F	%	F	%	F	%	
	Saya berminat dengan seni bina	8	2.5	7	2.2	59	18.6	163	51.4	80	25.2	3.95
1.	bangunan di sekitar Kuala Lumpur.											
2.	Saya tertarik dengan status pengiktirafan bangunan warisan.	4	1.3	6	1.9	71	22.4	159	50.2	77	24.3	3.94
3.	Keunikan bangunan sebagai aset tinggalan sejarah.	6	1.9	0	0	49	15.5	180	56.8	82	25.9	4.05
4.	Saya ingin mengetahui makna di sebalik bangunan warisan.	6	1.9	10	3.2	52	16.4	177	55.8	72	22.7	3.94
5.	Keunikan seni ukiran pada bangunan	6	1.9	4	1.3	41	12.9	195	61.5	71	22.4	4.01
Min Keseluruhan												3.98

*Nota: STS=Sangat tidak setuju, TS=Tidak setuju, TP=Tidak pasti, S=Setuju, SS=Sangat setuju

c. Analisis Min bagi Faktor Warisan Budaya (Kebudayaan dan Tempat Kesenian)

Jadual 7 menunjukkan faktor warisan budaya (kebudayaan dan tempat kesenian) sebagai faktor yang mempengaruhi pertambahan jumlah kedatangan pengunjung ke Kuala Lumpur. Dapatkan kajian menunjukkan skor min tertinggi adalah kerana para pengunjung suka dengan sikap komuniti tempatan yang peramah. Hal ini menunjukkan bahawa faktor tersebut sangat mempengaruhi kedatangan para pengunjung ke Kuala Lumpur dengan min sebanyak 4.03 jika dibandingkan dengan faktor-faktor yang lain. Berdasarkan Jadual 7, skor min 4.03 menunjukkan bahawa faktor “saya suka dengan sikap komuniti tempatan yang peramah” mempengaruhi kedatangan para pelancong ke tempat pelancongan warisan.

Jadual 7: Skor Min Bagi Faktor Warisan Budaya (Kebudayaan dan Tempat Kesenian)

Bil.	Pernyataan	Skala										Skor min	
		STS		TS		TP		S		SS			
		F	%	F	%	F	%	F	%	F	%		
1	Saya berminat dengan kesenian di Kuala Lumpur.	4	1.3	18	5.7	49	15.5	172	54.3	74	23.3	3.93	
2	Saya mempunyai minat mendalam terhadap persembahan.	2	6.0	37	11.7	79	24.9	143	45.1	56	17.7	3.68	
3	Saya mempunyai minat yang mendalam terhadap persembahan budaya.	0	0	39	12.3	62	19.6	161	50.8	55	17.4	3.73	
4	Saya suka dengan sikap komuniti tempatan yang peramah.	4	1.3	4	1.3	46	14.5	189	59.6	74	23.3	4.03	
5	Saya berminat menghadiri pesta atau pertunjukan kebudayaan.	8	2.5	27	8.5	67	21.1	146	46.1	69	21.8	3.76	
Min Keseluruhan												3.83	

*Nota: STS=Sangat tidak setuju, TS=Tidak setuju, TP=Tidak pasti, S=Setuju, SS=Sangat setuju

Berdasarkan Jadual 7 dengan skor min 3.93, sebanyak 172 responden setuju bahawa kedatangan mereka ke Kuala Lumpur adalah kerana mereka berminat dengan kesenian di Kuala Lumpur, manakala hanya empat responden sahaja sangat tidak setuju dengan pernyataan berkenaan. Hal ini memperlihatkan bahawa faktor kesenian mempengaruhi kedatangan pelancong ke Kuala Lumpur. Faktor “saya mempunyai minat mendalam terhadap persembahan” mempunyai skor min yang terendah iaitu sebanyak 3.68 dan hanya seramai 143 responden yang setuju dengan faktor ini dan berdasarkan Jadual 7, kedatangan pelancong adalah dipengaruhi oleh faktor minat mendalam terhadap persembahan. Seramai 161 responden bersetuju bahawa kedatangan mereka ke Kuala Lumpur adalah kerana mereka mempunyai minat yang mendalam terhadap persembahan budaya dengan skor min sebanyak 3.73. Dari kedua-dua faktor ini, dapat kita lihat bahawa pengunjung lebih berminat dengan persembahan budaya daripada persembahan yang tidak berkonsep budaya. Seramai 146 responden dengan skor min sebanyak 3.76 bersetuju kedatangan mereka ke Kuala Lumpur adalah kerana mereka berminat menghadiri pesta atau pertunjukan kebudayaan.

d. Analisis Min bagi Faktor Warisan Budaya (Produk Budaya Warisan)

Jadual 8 menunjukkan kekerapan, peratusan dan skor min bagi faktor warisan budaya dalam produk budaya warisan. Dapatkan kajian menunjukkan kedatangan para pengunjung ke Kuala Lumpur adalah disebabkan kepelbagaiannya makanan tradisional yang terdapat di Kuala Lumpur dengan skor min sebanyak 4.18 dengan tafsiran min faktor ini mempengaruhi kedatangan pelancong ke tempat pelancongan. Hal ini kerana terdapat makanan tradisional yang dijual,

khususnya di Kampung Baru yang dikenali sebagai Nasi Lemak Antarabangsa yang menjadi tumpuan ramai pelancong bagi menikmati keenakan makanan tempatan.

Jadual 8: Skor Min Bagi Faktor Warisan Budaya (Produk Budaya Warisan)

Bil.	Pernyataan	Skala										Skor min	
		STS		TS		TP		S		SS			
		F	%	F	%	F	%	F	%	F	%		
1	Saya suka akan kraf tangan yang dijual di sekitar Kuala Lumpur.	2	0.6	7	2.2	75	23.7	155	48.9	78	24.6	3.95	
2	Kepelbagaiannya makanan tradisional	6	1.9	4	1.3	28	8.8	169	53.3	110	34.7	4.18	
3	Perhiasan aksesori yang cantik dan menarik.	2	0.6	10	3.2	55	17.4	157	49.5	93	29.3	4.04	
4	Peralatan muzik tradisional yang unik.	10	3.2	20	6.3	47	14.8	148	46.7	92	29.0	3.92	
5	Menghayati cara hidup masyarakat masa lampau.	2	0.6	13	4.1	49	15.5	156	49.2	97	30.6	4.05	
Min Keseluruhan											4.03		

*Nota: STS=Sangat tidak setuju, TS=Tidak setuju, TP=Tidak pasti, S=Setuju, SS=Sangat setuju

Berdasarkan Jadual 8, skor min terendah iaitu 3.92 dilihat pada faktor yang menyatakan bahawa peralatan muzik tradisional yang unik di mana hanya 148 responden (46.7%) bersetuju dan 92 responden (29%) sangat bersetuju bahawa ini merupakan salah satu faktor yang mendorong mereka ke Kuala Lumpur. Seterusnya diikuti oleh faktor yang menyatakan bahawa “saya suka akan kraftangan yang dijual di sekitar Kuala Lumpur” dengan skor min sebanyak 3.95 di mana 155 responden setuju dan seramai 78 sangat setuju dengan pernyataan berkenaan. Skor min sebanyak 4.04 di mana 157 responden setuju dan 93 sangat setuju dengan faktor yang mendorong mereka datang ke Kuala Lumpur adalah disebabkan oleh perhiasan aksesori yang cantik dan menarik. Akhir sekali, skor min yang kedua tinggi iaitu 4.05 dilihat pada faktor yang menghayati cara hidup masyarakat lampau di mana seramai 156 responden setuju dan 97 responden sangat setuju. Berdasarkan Jadual 8, kesemua skor min bagi kelima-lima faktor warisan budaya bagi produk budaya warisan mempengaruhi jumlah kedatangan pelancong ke destinasi pelancongan di Kuala Lumpur.

e. Analisis Min bagi Faktor Bukan Warisan

Faktor bukan warisan dalam kajian ini merujuk kepada kemudahan tempat meletak kenderaan yang mencukupi, akses kepada kemudahan awam, keselamatan pelancong, kemudahan penginapan dan sumber pendidikan. Jadual 9 menunjukkan skor min faktor pelancongan warisan yang mempengaruhi pengunjung atau pelancong ke Kuala Lumpur. Dapatan kajian menunjukkan semua faktor tersebut mempunyai skor min yang tinggi dengan nilai 3.38, 3.82, 4.04, 3.92 dan 3.90. Skor min yang paling tinggi adalah dengan nilai 4.04 iaitu faktor keselamatan pelancong.

Seterusnya skor min yang paling rendah adalah 3.38 iaitu faktor kemudahan tempat meletak kenderaan yang mempengaruhi pengunjung dan pelancong untuk datang ke Kuala Lumpur. Tafsiran min menunjukkan bahawa kesemua faktor warisan budaya berkaitan dengan bangunan dan tradisi tersebut mempengaruhi kedatangan pengunjung atau pelancong untuk datang ke Kuala Lumpur sebagai kawasan tarikan pelancongan warisan. Skor min keseluruhan bagi faktor bukan warisan adalah 3.81 iaitu faktor ini adalah antara salah satu faktor yang mempengaruhi pengunjung atau pelancong untuk ke Kuala Lumpur dan sekali gus menjadikan Kuala Lumpur sebagai destinasi pelancongan warisan.

Jadual 9: Skor Min Bagi Faktor Bukan Warisan

Bil	Penyataan	Skala										Skor Min	
		STS		TS		TP		S		SS			
		F	%	F	%	F	%	F	%	F	%		
1	Kemudahan tempat meletak kenderaan yang mencukupi	15	4.7	37	11.6	122	38.1	97	30.3	46	14.4	3.38	
2	Akses kepada kemudahan awam	6	1.9	18	5.6	66	20.6	163	50.9	64	20.0	3.82	
3	Keselamatan pelancong	4	1.3	8	2.5	95	29.7	153	47.8	55	17.2	4.04	
4	Kemudahan penginapan	2	0.6	8	2.5	75	23.4	159	49.7	73	22.8	3.92	
5	Sumber Pendidikan	2	0.6	4	1.3	81	25.3	166	51.9	64	20.0	3.90	
Min Keseluruhan												3.81	

*Nota: STS=Sangat tidak setuju, TS=Tidak setuju, TP=Tidak pasti, S=Setuju, SS=Sangat setuju

PERBINCANGAN

Kajian ini bertujuan mengenalpasti lokasi pelancongan warisan yang menjadi tumpuan pelancong di Kuala Lumpur. Dapatan kajian memperlihatkan Dataran Merdeka paling diminati oleh responden, manakala Bangunan Stesen Kereta Api Lama adalah yang paling tidak diminati oleh responden dari keseluruhan kategori responden. Seterusnya, tempat yang diminati oleh pengunjung dan pelancong adalah Pasar Seni, Masjid Jamek, Muzium Negara, Tugu Negara, KL Ecopark forest, Kampung Baru dan Bangunan Sultan Abdul Samad. Pelancong domestik lebih berminat berkunjung ke kesemua lokasi pelancongan yang dipilih kecuali Pasar Seni. Daripada lapan lokasi yang paling digemari, Dataran Merdeka dan KL Ecopark Forest adalah paling diminati oleh pelancong domestik, diikuti oleh Muzium Negara dan Masjid Jamek. Bagaimanapun, Pasar Seni paling ramai dikunjungi oleh pelancong antarabangsa terutamanya dari Jerman. Ianya adalah disebabkan Pasar Seni mempunyai keunikan bangunan yang mempunyai nilai estetikanya yang tersendiri, selain menjadi pusat setempat yang banyak menjual hasil dan produk kraftangan (Aidatul Fadzlin et al., 2015).

Pengkaji juga ingin mengenalpasti apakah faktor yang mempengaruhi keputusan untuk melancong ke Kuala Lumpur. Terdapat lima faktor yang dianalisis di dalam kajian ini. Faktor tersebut adalah faktor warisan semula jadi/alam sekitar, faktor warisan budaya (bangunan dan tradisi), faktor warisan budaya (kebudayaan dan tempat kesenian), faktor warisan budaya (produk budaya warisan) dan faktor bukan budaya. Secara keseluruhannya, jumlah min yang tertinggi

adalah 4.03 iaitu faktor warisan semula jadi alam sekitar dan faktor warisan budaya (produk budaya warisan). Hal ini menunjukkan bahawa faktor semula jadi alam sekitar dan faktor warisan budaya (produk budaya warisan) mempunyai hubungan yang signifikan dalam pertambahan pengunjung ke Kuala Lumpur. Ia sejajar dengan dapatan Carol et al. (2014) yang menyatakan bahawa pelancong antarabangsa mengunjungi Malaysia disebabkan mereka tertarik dengan keunikan budaya dan sejarahnya.

Hasil analisis faktor warisan semula jadi dan alam sekitar di Kuala Lumpur menunjukkan pernyataan kepelbagaian biologi flora dan fauna yang menjadi tarikan terhadap pelancongan warisan di Kuala Lumpur. Terdapat beberapa pernyataan berkaitan dengan faktor warisan semulajadi atau alam sekitar iaitu kepelbagaian biologi, faktor cuaca, berminat dengan pemandangan semula jadi, tempat riadah dan menenangkan fikiran dan stress. Ternyata keindahan alam semulajadi menjadi elemen terpenting para pelancong melakukan kunjungan ke atas sesebuah negara (Haliza, 2018).

Hasil analisis faktor warisan budaya (bangunan dan tradisi) di Kuala Lumpur menunjukkan pernyataan yang tertinggi adalah keunikan bangunan sebagai tinggalan aset sejarah. Terdapat beberapa pernyataan berkaitan dengan faktor warisan budaya daripada aspek bangunan dan tradisi di Kuala Lumpur, antaranya seperti seni bina, pengiktirafan bangunan bersejarah, keunikan aset tinggalan sejarah, makna di sebalik bangunan warisan dan keunikan seni ukiran pada bangunan di Kuala Lumpur. Kesemua pernyataan ini membuktikan bahawa para pelancong menganggap nilai tapak warisan bagi sesebuah kawasan pelancongan adalah penting bagi membolehkan mereka mempelajari budaya setempat, kualiti infrastruktur monument, serta kualiti perkhidmatan pelancongan (Siti Norsakira & Rosniza Aznie, 2018).

Hasil analisis faktor warisan budaya (kebudayaan dan tempat kesenian) menunjukkan kedatangan pengunjung dan pelancong ke Kuala Lumpur kerana mereka mempunyai minat yang mendalam terhadap persembahan budaya. Terdapat beberapa pernyataan berkaitan dengan faktor warisan budaya daripada aspek kebudayaan dan tempat kesenian di Kuala Lumpur antaranya seperti berminat dengan kesenian di Kuala Lumpur, minat terhadap persembahan, minat terhadap persembahan budaya, suka dengan sikap komuniti tempatan yang peramah dan berminat menghadiri pesta atau pertunjukan kebudayaan. Ia sekaligus memberi pengalaman yang baru, di samping dapat mempelajari dan menikmati hiburan secara santai (Siti Norsakira & Rosniza Aznie, 2018).

Hasil analisis faktor warisan budaya (produk budaya warisan) menunjukkan kedatangan para pengunjung ke Kuala Lumpur adalah disebabkan kepelbagaian makanan tradisional yang terdapat di Kuala Lumpur. Terdapat beberapa pernyataan berkaitan faktor warisan budaya daripada aspek produk budaya seperti kraftangan yang dijual, kepelbagaian makanan tradisional, perhiasan aksesori yang cantik dan menarik, peralatan muzik tradisional yang unik dan cara hidup masyarakat masa lampau. Sebagai contoh, di Kampung Baru yang terkenal dengan kepelbagaian makanan tradisional dan menjadi tumpuan masyarakat baik penduduk lokal atau pelancong asing untuk menikmati keenakan makanan tempatan seperti nasi lemak, nasi kerabu, laksam, ayam percik, roti canai, dan banyak lagi.

Hasil analisis faktor bukan warisan menunjukkan aspek keselamatan pelancong adalah aspek yang paling dipersetujui oleh responden, manakala aspek kemudahan warisan menjadi faktor kedua tertinggi. Bagi aspek keselamatan, berdasarkan laporan Indeks Keamanan Global

(GPI) 2019, Malaysia merupakan negara ketiga paling aman di Asia Tenggara selepas Jepun dan Singapura dan negara ke-16 di dunia berbanding kedudukannya pada tahun 2018 iaitu tangga ke-26 (Aslinda, 2020). Pencapaian ini sememangnya suatu pencapaian yang membanggakan dan menjadi bukti mengapa ramai para pelancong asing khususnya melakukan kunjungan dan lawatan mereka ke Malaysia. Sementelahan itu, terdapat beberapa pernyataan berkaitan dengan faktor bukan warisan di Kuala Lumpur antaranya kemudahan tempat meletak kenderaan, akses kepada kemudahan awam, keselamatan pelancong, kemudahan penginapan dan sumber pendidikan. Akses pengangkutan awam seperti kemudahan Transit Aliran Ringan (LRT), monorel, bas, teksi, dan GrabCar yang mudah didapati menjadikan para pengunjung dan pelancong senang bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain.

Majoriti responden menyokong usaha membaik pulih dan menaiktaraf bangunan bersejarah supaya Kuala Lumpur menjadi pusat pelancongan yang terkemuka. Responden juga memberi cadangan agar bangunan sejarah terpelihara dengan memelihara struktur asal bangunan dan sentiasa berkeadaan baik. Pengekalan bangunan-bangunan bersejarah merupakan faktor penarik kehadiran para pelancong kerana ia mampu mengembalikan kenangan sejarah pada masa lalu, di samping memartabatkan keunikan masyarakat pada zaman tersebut (Mohd & Sulong, 2013).

Selain itu, responden juga mencadangkan agar pihak yang terlibat untuk mengadakan ekspo atau karnival yang menggabungkan pelbagai ciri budaya contohnya makanan dan aktiviti di sesbuah bangunan sejarah. Pembangunan di sekitar bangunan sejarah haruslah teratur dan strategik tanpa merosakkan atau mengganggu tempat asal bangunan sejarah dan mengakibatkan kesesakan dan kesukaran bagi pelancong untuk melawati tempat tersebut. Hukuman yang sewajarnya termasuklah tindakan denda dan penjara perlu dilaksanakan dengan tegas dalam usaha mencegah perbuatan yang menyalahi peraturan dan merosakkan harta warisan negara (Yuszaidy et al., 2013).

KESIMPULAN

Pembangunan pelancongan warisan adalah merupakan satu kajian yang berpotensi untuk diketengahkan berikutan ia berupaya memberikan impak terhadap pembangunan pelancongan di Malaysia. Pengenalpastian beberapa kawasan pelancongan warisan di Kuala Lumpur telah dilakukan dan dapatan kajian membuktikan bahawa Dataran Merdeka menjadi lokasi pelancongan warisan pilihan para pelancong domestik dan luar negara. Faktor warisan budaya (produk budaya warisan) pula menjadi faktor utama yang mempengaruhi kedatangan responden ke Kuala Lumpur sekaligus membuktikan keunikan dan kegemilangan warisan sejarah yang dimiliki bandaraya Kuala Lumpur menjadi elemen terpenting dalam menarik kedatangan para pelancong domestik dan luar negara. Dapatan kajian ini berupaya menyumbang dan memberi input kepada pihak-pihak berkepentingan dalam menyediakan pelaksanaan strategi pemeliharaan dan pemuliharaan produk-produk pelancongan warisan di Malaysia, di samping memperbaiki kelemahan yang wujud dalam pelbagai aspek perkhidmatan yang ditawarkan kepada para pengunjung. Bagi cadangan kajian akan datang, penilaian faktor-faktor tidak langsung seperti aspek matawang negara yang berpotensi menyumbang kepada pelancongan warisan wajar diketengahkan. Faktor permintaan daripada perspektif pelancong juga boleh dikaji dalam usaha memperbaiki industri pelancongan warisan agar standing dengan negara luar. Tidak dinafikan juga, gabungan kerjasama di antara

pihak kerajaan dan swasta sangat digalakkan bagi memajukan pembangunan pelancongan warisan di Malaysia ini khasnya agar sentiasa dikenali di peringkat antarabangsa.

PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dana Cabaran Perdana, UKM (IDE-2018-006) di bawah seliaan Prof. Dr. Er Ah Choy, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan di atas pembiayaan kajian ini.

RUJUKAN

- Aidatul Fadzlin, B., Norhayati, I., Sabarinah, S.A., & Nurulhusna, Q.Z. (2015). Public perceptionon the cultural significance of heritage buildings in Kuala Lumpur. *Procedia Social and Behavioral Science* 202 (294-302). <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.08.23>.
- Aslinda, N. (2020, Januari 15). Malaysia negara ke-16 paling aman di dunia. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2020/0/15/alaysia-negara-ke-16-paling-aman-di-dunia/>.
- Carol Boon, C.T., Noor Rita, M.K. & Faizah, A.R. (2014). Understanding cultural heritage visitor behaviour: The case of Melaka as World Heritage City. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 130, 1-10. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.04.001>.
- Er, A.C. (2013). Pembangunan pelancongan lestari di Melaka: Perspektif pelancong. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 9 Issue 3 (12-23).
- Haliza, A.R. (2018). Potensi dan cabaran dalam memajukan pelancongan Islam di Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue*, pp. 506-518.
- International Council on Monuments and Sites (ICOMOS). (2007). Annual Report 2007, Vol. 1.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2018). Survei Pelancongan Domestik 2017. <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=OU1EcIBxL0ZzZXUwbGhXcIVMTVFnQT09>.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30, 607-610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>.
- Mohd, S. & Sulong, M. (2013). Pengaruh warisan sejarah dalam industri pelancongan Langkawi. *International Journal of the Malay World and Civilization* 1(1), pp. 99-109.
- Mohd. Razali, A. & Yahaya, I. (2003). *Penilaian dampak sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Norhasimah, I., Tarmiji, M. & Azizul, A. (2014). Cultural Heritage Tourism in Malaysia: Issue and Challenges. *SHS Web of Conferences* 12, 01059.
- Norzamira, C.N. (2021, Januari 31). Sultan Selangor titah bangunan bersejarah di Kuala Lumpur dipulihara. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/781539/sultan-selangor-titah-bangunan-bersejarah-di-kuala-lumpur-dipulihara>.
- Pelan Struktur Bandaraya Kuala Lumpur. (2020, Januari). Pelan Pembangunan Kuala Lumpur 2040. https://www.dbkl.gov.my/klmycity2040/?page_id=3191.

- Rosyahaida, A. (2020, Julai 25). 353 titik sejarah Kuala Lumpur untuk pelancong. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/07/603751/353-titik-sejarah-kuala-lumpur-untuk-pelancong>.
- Siti Norsakira, M. & Rosniza Aznie, C.R. (2018). Potensi bandar Kuala Lipis sebagai destinasi pelancongan warisan. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space 14 Issue 1* (102-115).
- Siti Salina, M. & Zuliskandar, R. (2018). Potensi pembangunan pelancongan berasaskan warisan di Bandar Hilir, Melaka: Analisis SWOT. *Asian Journal of Environment, History and Heritage, Vol. 2, Issue 1*, pp. 253-265.
- Smith, V.L. (1989). *Hosts and Guests: The Anthropology of Tourism*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Swarbrooke, J. (1994). The future of the past: Heritage tourism into the 21st Century. In A.V. Seaton (Ed), *Tourism: The State of the Art*. (pp. 222-229) Chichester: John Wiley & Sons Ltd.
- Syed Zainol, A.I. (1996). *Pemeliharaan Warisan Rupa Bandar*. Panduan mengenali warisan rupa bandar berdasarkan warisan Malaysia, Badan Warisan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Tunbridge, J.E. & Ashworth, G.J. (1996). Dissonant heritage: The management of the past as a resources in conflict. *Annals of Tourism Research 24(2)*: 496-498. [https://doi.org/10.1016/S0160-7383\(97\)80033-3](https://doi.org/10.1016/S0160-7383(97)80033-3).
- Wan Suzita, W.I., Rosilawati, Z., Siti Nor, A., Kamal Solhaimi, F. & Juli, E. (2015). Pelancongan dan pembangunan setempat di Malaysia: Satu analisis SWOT Royal Belum sebagai produk pelancongan. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space 11 Issue 13* (115-130).
- Yuszaidy. M.Y., Hanapi, D. & Ab Samad, K. (2013). Perlindungan harta warisan: Keberkesanan usaha pemulihraan dan pemeliharaan dalam pembangunan negara. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space 9 Issue 2* (64-77).
- Zakaria, K. & Harun, N.Z. (2018). The Square as an Outdoor Market Space: Exploring the Potentials of Dataran Merdeka. *Asian Journal of Behavioural Studies 3(10)*, 183-192. <https://doi.org/10.21834/ajbes.v3i10.93>.
- Zatul Iffah, Z. (2020, September 3). Kampung Budaya Terengganu tarikan pelancongan terbaru. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/09/727705/kampung-budaya-terengganu-tarikan-pelancongan-terbaru>.
- Zuliskandar, R., Mazlin, M., Muhammad Rizal, R. & Sharifah Zarina, S.Z. (2015). Pelancongan berasakan warisan di Malaysia: Potensi dan cabaran. Prosiding Seminar Antarabangsa ke-8: Ekologi, Habitat Manusia dan Perubahan Persekutaran. 21-22 September, Kampus Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Langkawi, Kedah.

MAKLUMAT PENULIS

SITI NURAIN MARZUKI

Program Pengurusan Persekitaran,
Fakulti Sosial Sains dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

p90389@siswa.ukm.edu.my

AGNES AMOI ANAK SUDIN

Program Pengurusan Persekitaran,
Fakulti Sosial Sains dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

p93934@siswa.ukm.edu.my

DORATHY SEBI ANAK NELSON ATANG

Program Pengurusan Persekitaran,
Fakulti Sosial Sains dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

p93924@siswa.ukm.edu.my

AINI ATIQAH NOR ARSAT

Program Pengurusan Persekitaran,
Fakulti Sosial Sains dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

p93956@siswa.ukm.edu.my

NURUL LIYANA ZAINAL ABIDIN

Program Pengurusan Persekitaran,
Fakulti Sosial Sains dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

p93950@siswa.ukm.edu.my

NURUL FADILAH MOHD. NAWI

Program Pengurusan Persekitaran,
Fakulti Sosial Sains dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

p90016@siswa.ukm.edu.my

ER AH CHOY* (Pengarang Koresponden)

Pusat Kajian Pembangunan, Sosial, dan Persekitaran,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.
eveer@ukm.edu.my